

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7336**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang telah diluluskan Pas Khas dalam tiap tahun 2010, 2011,2012 dan 2013 untuk membolehkan mereka memfailkan kes terhadap majikan mereka di Mahkamah Buruh ataupun Mahkamah Perhubungan Perusahaan.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman, jumlah warga asing yang telah diluluskan Pas Khas bagi bagi kes-kes yang menunggu perbicaraan di Mahkamah untuk tiga (3) tahun terkini adalah 741 orang dalam tahun 2012, 1718 orang dalam tahun 2013 dan 956 orang dalam tahun 2014. Data hanya boleh dikeluarkan melalui sistem MyIMMs mulai tahun 2012.**

**Pada masa yang sama, pas khas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia akan meliputi semua kes mahkamah yang ada di Malaysia. Setiap pas khas yang dikeluarkan juga perlu disokong oleh surat pengesahan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Ini menyebabkan kerumitan untuk mengemukakan jumlah sebenar pas khas bagi mereka yang memfailkan kes terhadap majikan.**

**Walau bagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperkemas data maklumat dan sistem yang sedia ada.**